

344 pelajar ikut kursus kepimpinan sesi 2012/2013

NST 02-03-2012 11

KOTA KINABALU: Seramai 344 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengikuti Kursus Kepimpinan Pelajar bagi sesi 2012/2013 yang diadakan selama dua hari di Pusat Latihan Eco Lake, Membakut.

Kursus kepimpinan pelajar UMS itu melibatkan seramai 200 orang mahasiswa tahun satu dan tahun dua dari kampus induk, 130 orang mahasiswa dari kampus cawangan Antarabangsa Labuan dan 11 orang mahasiswa dari Kampus Cawangan Sandakan.

Kursus kepimpinan pelajar itu diadakan bertujuan memberikan perspektif kepada mahasiswa mengenai peranan dan tanggungjawab mereka selaku pemimpin mahasiswa kelak di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Melalui kursus itu pada mahasiswa mendapat kesedaran terhadap pentingnya semangat patriotisme dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia, kepentingan membina sikap kerjasama berpasukan, meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah melalui sikap profesional, kebijaksanaan dan keserjanaan.

Pada hari pertama kursus para mahasiswa disajikan melalui syarahan oleh Pensyarah dan Pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS berkaitan Sejarah Bangsa Malaysia dari sudut sosio-ekonomi, pendidikan dan sistem pentadbiran negara.

Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur, turut bersama-sama berkongsi kepakaran dan informasi kepada mahasiswa pada hari kedua kursus berkenaan.

Beliau telah menyampaikan ceramah yang bertajuk "Mahasiswa Pemimpin Masa hadapan: Cabaran dan Harapan: dan menasihati semua pemimpin mahasiswa supaya mempersiapkan diri bukan setakat memiliki tetapi menguasai API dalam diri iaitu Akhlak yang mulia, Penge-tahuan serta berkemahiran yang tinggi tahapnya dan ilmu yang tulen lagi pelbagai.

Turut berkongsi maklumat kepada mahasiswa adalah Ketua Jabatan HEP UMS iaitu. Darwis Awang yang menyampaikan ceramahnya bertajuk "Bagaimana mahasiswa mengoptimumkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam kebajikan dan pembangunan sahsiah mahasiswa". -OLEH KAMARUD-DIN LIUSIN (kamaruddin@newsabahtimes.com.my)



PARA peserta Kursus sempat bergambar bersama Dr. Kasim (tengah) pada kursus kepimpinan pelajar UMS itu.